

PM mahu korporat, negeri perkukuh tahap integriti

BH-9/5/2007

Tindakan perlu diseragam ikut garis panduan, jadi agenda nasional

Oleh Wan Hazmir Bakar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu semua kerajaan negeri dan sektor korporat di negara ini melaksanakan inisiatif memantapkan tahap integriti seperti diguna pakai kerajaan, demi kebaikan rakyat serta negara.

Perdana Menteri berkata, keutuhan integriti adalah agenda nasional yang membabitkan semua pihak dan bukan terhad kepada kerajaan Pusat semata-mata.

"Apa juga garis panduan yang sudah kita sediakan dan buat adalah untuk diguna pakai oleh semua pihak kerana kita mahu kefahaman dan tindakan yang akan diambil adalah sama dan tidak berlaku perbezaan pandangan.

"Maka kita harap tindakan yang kita ambil adalah lengkap supaya keberkesannya boleh dirasakan se-

mua rakyat," katanya berucap melancarkan dua buku panduan integriti, *National Integrity System: A Guiding Framework* dan *Corporate Social Responsibility: Our First Outlook* di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan dan Wakil Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) untuk Malaysia, Singapura dan Brunei, Dr Richard Leete.

Buku panduan *Corporate Social Responsibility: Our First Outlook* adalah terbitan Institut Integriti Malaysia (IIM), manakala *National Integrity System: A Guiding Framework* diterbitkan bersama oleh UNDP di bawah Projek Pembangunan Kapasiti UNDP-IIM.

Perdana Menteri berkata, penerbitan buku panduan itu adalah usaha terpuji yang membuktikan betapa seriusnya kerajaan dalam hal berkaitan integriti serta tadbir urus

yang baik.

"Apabila kita bercakap mengenai integriti, apa yang perlu kita risaukan dan perlu kita buktikan ialah cakup kita itu disusuli dengan tindakan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Ke-

“Apabila kita bercakap mengenai integriti, apa yang perlu kita risaukan dan perlu kita buktikan ialah cakup kita disusuli dengan tindakan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

wangan berkata, buku *Corporate Social Responsibility: Our First Outlook* adalah panduan bagi sektor korporat untuk memenuhi keperluan dan matlamat pemantapan integriti yang dikehendaki kerajaan.

"Ia adalah panduan yang perlu dipelajari, difahami, dihayati serta dilaksanakan," katanya.

Abdullah berkata, IIM wajar menjalin rangkaian kerjasama dengan institusi berkaitan serta tokoh terkenal dalam bidang tadbir urus yang baik bagi mencapai matlamat yang disasarkan dalam Pelan Integriti Nasional (PIN).

"Saya percaya mereka dapat memberi pandangan berguna dan patut dijemput memberi syarahan dari semasa ke semasa," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan, yang berlangsung selama kira-kira tiga jam.